

Headline	Pakai topi keledar dengan betul		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	01 Jan 2012	Color	Full Color
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	I-9	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	682 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,513
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,539



Headline	Pakai topi keledar dengan betul		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	01 Jan 2012	Color	Full Color
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	I-9	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	682 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,513
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,539

“**S**AYA tahu bahaya, tapi saya guna motosikal ini sekali sekala saja. Rasanya tak perlulah beli topi keledar baru,” kata Nasir Sumarnio mengenai topi keledar usangnya.

Lelaki berusia 53 ini memiliki topi keledar yang sudah berusia 10 tahun, cukup uzur dengan warna yang pudar, sehinggakan span di bahagian dalam topi yang sepatutnya menjadi pelindung kepala, sudah terkeluar.

Sepanjang menggunakannya beliau tidak pernah terlibat dalam kemalangan, menurut Nasir yang tinggal di Kuarters Lembaga Getah Malaysia, Sungai Buloh.

Penghantar surat Abdul Rashid Abidin, 23, berkata beliau lebih suka memilih topi keledar yang menjadi trend semasa anak-anak muda.

Beliau utamakan rupa daripada fungsi. Baginya topi keledar harus cantik dan ikut trend, bukan hanya pelindung kepala yang baik.

“Saya tahu tak boleh guna topi keledar ni, ada tulis kat belakang tak sesuai untuk digunakan semasa bawa motosikal, tapi sebab cantik saya pakailah,” katanya kepada Bernama.

Itu antara alasan yang diberikan pengguna motosikal semasa tinjauan pemeriksaan topi keledar yang dijalankan Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) dengan kerjasama ExxonMobil di Stesen Minyak Esso Kilometer 7, Sungai Buloh baru-baru ini.

Kebanyakan hampir 150 pengguna motosikal yang ditemui, kurang kesedaran tentang pentingnya memakai topi keledar dengan cara yang betul dan selamat.

Bagi mereka, tujuan memakai topi keledar hanya sekadar syarat di atas jalan raya dan untuk mengelak ditahan pihak berkuasa, bukannya atas kesedaran langkah keselamatan bagi mengurangkan risiko kecederaan.

Sebab itu menjadi kebiasaan melihat penunggang dan pembonceng motosikal memakai topi keledar yang uzur hingga tidak layak lagi dipakai di kepala. Golongan muda pula lebih suka memakai topi keledar separuh,

walaupun tidak mendapat piawaian SIRIM.

Malah cara pemakaian topi keledar kurang diberi perhatian secara maksimum. Sedangkan kegagalan memakai topi yang sesuai dan diikat dengan betul mungkin menyebabkan topi keledar tertanggal apabila berlaku kemalangan yang boleh menyebabkan kecederaan atau maut.

Menurut laman web keselamatan jalan raya Dr Moto, ramai pengguna motosikal yang melalui pengalaman jatuh motosikal atau terlibat dalam kemalangan percaya topi keledar mampu menyelamatkan mereka daripada menerima kecederaan lebih teruk terutama bahagian muka, kepala dan otak.

Beberapa kajian yang dilakukan di dalam negara dan antarabangsa jelas menunjukkan pemakaian topi keledar boleh mengurangkan 65 peratus kerosakan otak dan mengurangkan kemungkinan maut sebanyak 37 peratus.

Malah kajian Universiti John Hopkins, Amerika Syarikat mendapati topi keledar juga boleh mengurangkan kecederaan berkaitan tulang belakang.

Kajian yang melibatkan 40,000 kes kemalangan motosikal antara tahun 2002 dan 2006 itu mendapati penunggang yang memakai topi keledar akan

Headline	Pakai topi keledar dengan betul		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	01 Jan 2012	Color	Full Color
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	I-9	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	682 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,513
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,539

menerima kecederaan tulang belakang kurang 22 peratus daripada mereka yang tidak memakai topi keledar.

JKJR dalam pemantauan yang dilakukan mendapati kesedaran pemakaian topi keledar masih lagi rendah terutama di kawasan luar bandar. Keadaan ini juga berlaku di kawasan taman perumahan.

Alasan yang digunakan pembonceng motosikal ialah kerana jarak yang dekat.

Semuanya berpunca daripada persepsi pengguna motosikal yang tidak takut undang-undang dan yakin mereka tidak akan dikenakan denda oleh pihak berkuasa, menurut Timbalan Dekan dan Pakar Pengangkutan Awam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Prof Dr Abd Rahman Md Nor.

“Mereka merasakan jika melalui sekatan jalan raya sekalipun mereka akan terlepas dan potensi untuk dikenakan denda sangat rendah sebab itu mereka tidak mengendahkan pemakaian topi keledar yang sempurna,” katanya.

Persepsi itu juga menyebabkan pengguna berani menggadai nyawa bukan sahaja dirinya malah kanak-kanak yang dibawa bersama di atas motosikal tanpa menggunakan topi keledar dengan pandangan pihak berkuasa akan melepaskan mereka tanpa denda atas dasar perjalanan tidak jauh, hanya di sekitar kawasan perumahan untuk menjemput dan menghantar anak ke sekolah atau membeli belah.

Dengan persepsi ini mereka akan mengulangi perkara yang sama sehinggalah akhirnya mereka terjatuh atau terlibat dalam kemalangan yang boleh mengundang kecederaan mahupun maut.

Beliau berkata sudah tiba masanya penguatkuasaan undang-undang dijalankan dengan lebih tegas kerana kesedaran pengguna jalan raya di Malaysia akan meningkat apabila penguatkuasaan undang-undang dilakukan.

“Kesedaran masih juga rendah disebabkan pihak berkuasa yang menguatkuasakan undang-undang kurang memberi perhatian yang lebih terperinci terhadap topi keledar, misalnya pemeriksaan terhadap kualiti topi keledar, sama ada masih berkeadaan baik atau sebaliknya, begitu juga dengan pemakaiannya sama ada betul atau tidak,” katanya.

Tegas beliau, 87 peratus kematian akibat jalan raya dalam kalangan pengguna motosikal melibatkan bahagian kepala dan mereka yang tidak memakai topi keledar adalah tiga kali ganda lebih berisiko cenderung mengalami kecederaan di kepala apabila berlaku kemalangan.

“Topi keledar harus dipakai dengan sempurna terutama dari segi saiz dan ikatan kerana ramai kanak-kanak yang dibawa menunggang motosikal menggunakan topi keledar yang tidak sesuai sebagai contoh saiz yang terlalu besar

dari kepala.

“Ia tidak akan mampu mengurangkan risiko kecederaan sekiranya berlaku kemalangan sama saja seperti tidak memakainya,” katanya.

Melihat kepada statistik peningkatan kemalangan maut melibatkan pengguna motosikal, ExxonMobil bekerjasama dengan JKJR dengan menyumbang RM90,000 kepada JKJR untuk mengagihkannya 900 buah topi keledar bagi menyokong kempen pemakaian topi keledar di enam stesen minyak Esso terpilih di sekitar Lembah Klang.

Pengurus Jualan ExxonMobil, Adibah Alip berkata budaya kerja di ExxonMobil yang sangat menitikberatkan aspek keselamatan membuatkan mereka dipanggil untuk turut serta dalam kempen pemakaian topi keledar ini.

“Kami mahu menyebarluaskan lagi kesedaran tentang pentingnya meningkatkan tahap keselamatan terutama dalam kalangan golongan muda yang merupakan pengguna motosikal teramai di negara ini. Kita tidak mahu kehilangan lebih ramai generasi pelapis yang merupakan penyumbang kepada pembangunan negara dalam kemalangan jalan raya.

“Dengan kerjasama JKJR ini, diharapkan ia dapat membina satu budaya baru dalam kalangan pengguna motosikal,” katanya.

Kempen yang turut dijalankan bersama Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis Diraja Malaysia itu bukan sekadar melakukan pemeriksaan topi keledar dan mengagihkannya topi keledar baru, namun turut memberikan panduan cara pemakaian topi keledar yang betul.

Antara lokasi stesen minyak Esso yang terlibat ialah Esso Serdang Jaya, Esso Jalan Salleh, Sentul, Esso Taman Sri Gombak dan Esso Jalan Selayang. – Bernama

Headline	Pakai topi keledar dengan betul		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	01 Jan 2012	Color	Full Color
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	I-9	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	682 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,513
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,539

**'...kajian Universiti John Hopkins, Amerika Syarikat mendapati topi keledar juga boleh mengurangkan kecederaan berkaitan tulang belakang. Kajian yang melibatkan 40,000 kes kemalangan motosikal antara tahun 2002 dan 2006 itu mendapati penunggang yang memakai topi keledar akan menerima kecederaan tulang belakang kurang 22 peratus daripada mereka yang tidak memakai topi keledar'**

Headline	Pakai topi keledar dengan betul		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	01 Jan 2012	Color	Full Color
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	I-9	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	682 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,513
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,539



**PENUNGGANG** beraturnjalani pemeriksaan topi keledar yang dijalankan Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) dengan kerjasama ExxonMobil di Stesen Minyak Esso Kilometer 7, Sungai Buloh baru- baru ini. – fotoBERNAMA